



**UNIVERSITI KUALA LUMPUR
Malaysia France Institute**

**FINAL EXAMINATION
JANUARY 2014 SESSION**

SUBJECT CODE : MPU 2313/ MPW 1143/ MPW 2143

SUBJECT TITLE : AMALAN ISLAM ISLAM DI MALAYSIA/ PENGAJIAN ISLAM

LEVEL : DIPLOMA/ BACHELOR

TIME / DURATION :
(2 HOURS)

DATE :

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.
 2. This question paper is printed on both sides of the paper.
 3. Please write your answers on the answer booklet provided.
 4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
 5. This question paper consists of ONE (1) section. Section A. Answer all questions in Section A.
-

THERE ARE 15 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.

BAHAGIAN A (Jumlah: 60 markah)

ARAHAN: Jawab SEMUA soalan. HITAMKAN jawapan yang betul.

Sila guna buku jawapan yang disediakan.

1. Berikut adalah definisi yang tepat mengenai Pendidikan Islam.
 - A. Proses melatih akhlah, jasmaniah dan moral manusia.
 - B. Proses pembentukan keperibadian dengan nilai-nilai akhlak yang tinggi.
 - C. Proses penyucian jiwa untuk membersihkan diri daripada sifat-sifat yang tercela (*mazmumah*).
 - D. Proses mendidik dan melatih akhlah, jasmaniah dan rohaniah manusia yang berasaskan nilai-nilai Islamiah serta bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah.

2. Bagaimanakah pendidikan akhlah atau intelektual dapat membantu melahirkan insan yang bertaqwa dan mengabdikan diri kepada Allah SWT semata-mata?
 - A. Melalui latihan akhlah dengan kemahiran insaniah yang mengembangkan potensi diri.
 - B. Melalui latihan akhlah manusia dengan nilai-nilai ketuhanan, sifat ketaatan dan penyucian rohani.
 - C. Melalui latihan akhlah dengan ilmu-ilmu akademik yang meningkatkan daya intelektual seseorang individu.
 - D. Melalui latihan akhlah dengan aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang menghasilkan ciptaan baru yang mendatangkan manfaat kepada manusia.

3. Manakah padanan konsep pendidikan Islam yang tepat?
 - A. *Ta'lim* – mendidik manusia dengan tujuan memperbaiki kehidupan manusia ke arah yang lebih sempurna.
 - B. *Inzar* – memberi peringatan kepada manusia supaya melaksanakan perkara yang diredhai dan meninggalkan segala kemungkaran.
 - C. *Tarbiyyah* – pengajaran dan penyampaian ilmu yang juga menjadi bukti bagi mereka yang mempunyai pengetahuan yang luas dan berilmu.
 - D. *Irsyad* – mempelajari sesuatu yang boleh dikaitkan dengan pengajaran dan pembelajaran dalam sesuatu mata pelajaran dan isi kandungannya.

4. Mengapakah konsep *ta'dib* dalam pendidikan Islam memainkan peranan yang penting dalam pembinaan insan yang berakhlak dan bertamadun tinggi?
- A. Membentuk insan yang tingkah lakunya yang sopan dan berdisiplin.
 - B. Membentuk insan yang mempunyai tahap kesihatan mental yang baik.
 - C. Membentuk insan yang tinggi ilmu pengetahuannya dalam pelbagai bidang.
 - D. Membentuk insan yang mempunyai kekuatan fizikal dengan jasmani yang sihat.
5. Matlamat pendidikan Islam mengikut al-Ghazali adalah untuk melahirkan
- A. ahli sufi yang cintakan akhirat.
 - B. golongan ulama yang berilmu tinggi.
 - C. insan yang beriman, beramal soleh dan bertaqwa.
 - D. anggota masyarakat yang dapat berbakti kepada bangsa dan negara.
6. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai institusi pengajian dan pendidikan Islam semasa zaman awal Islam.
- I. Sistem pembelajaran di masjid dijalankan dalam sistem *halaqah* (berkumpulan).
 - II. Masjid al-Azhar adalah di antara masjid yang terkenal sebagai pusat pendidikan dan pengajian Islam.
 - III. *Kuttab* merupakan institusi pendidikan yang menjadi tempat kanak-kanak belajar membaca, menulis dan menghafaz al-Quran.
 - IV. Madrasah adalah institusi pendidikan Islam terawal yang banyak dibina berhampiran dengan Masjid Nabawi sebaik sahaja Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah.
- A. I dan II.
 - B. III dan IV.
 - C. I, II dan III.
 - D. II, III dan IV.

7. Berikut adalah hikmah rumah Rasulullah SAW dan rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam dijadikan pusat pendidikan Islam yang pertama sebelum peristiwa Hijrah ke Madinah.
- A. Rumah juga boleh memainkan peranan sebagai institusi pendidikan Islam yang setaraf dengan masjid.
 - B. Pendidikan di rumah hanya memainkan peranan yang penting sebelum berlakunya peristiwa Hijrah.
 - C. Pendidikan di rumah memainkan peranan yang penting sebagai asas kepada pembentukan generasi yang soleh.
 - D. Rumah boleh dijadikan salah satu institusi alternatif untuk mendidik masyarakat dalam keadaan umat Islam ditekan dan ditindas oleh musuh.
8. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai Baitul Hikmah **kecuali**
- A. sebuah masjid dan pusat ilmu yang terulung pada zaman Abbasiyyah.
 - B. merupakan salah satu institusi pendidikan Islam dalam bentuk perpustakaan.
 - C. dibina pada zaman Khilafah Abbasiyyah di bawah pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid.
 - D. berfungsi sebagai sebuah perpustakaan yang dibina oleh pihak pemerintah bagi kegunaan orang awam.
9. Pilih ciri-ciri Sekolah Agama Rakyat.
- I. Ditubuhkan oleh orang perseorangan.
 - II. Ditadbir oleh Lembaga Pengurus Sekolah.
 - III. Gaji guru sekolah dibayar oleh pihak kerajaan.
 - IV. Menggunakan sepenuhnya kurikulum kebangsaan tanpa tambahan kurikulum luar yang lain.
- A. I dan II.
 - B. III dan IV.
 - C. I, II dan III.
 - D. II, III dan IV.
10. Berikut adalah langkah terkini yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan untuk memperkasakan program Pendidikan Islam.
- A. Penilaian Asas Fardhu Ain (PAFA).
 - B. Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR).
 - C. Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM).
 - D. Jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardhu ain (j-QAF).

11. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai proses pembentukan keluarga di dalam Islam **kecuali**
- A. bermula dengan mencari jodoh atau memilih teman hidup.
 - B. faktor agama hendaklah diletakkan sebagai asas utama dalam pemilihan jodoh.
 - C. ciri-ciri kecantikan, kekayaan dan keturunan hendaklah ditolak dan tidak diambil kira dalam pemilihan jodoh.
 - D. mesti berdasarkan panduan yang diberikan oleh Islam melalui hukum-hakam yang terdapat dalam bab munakahat.
12. Berikut adalah salah satu kepentingan perkahwinan di dalam Islam.
- A. Melahirkan keturunan manusia secara sah.
 - B. Mengelakkan perasaan jemu hidup berseorangan.
 - C. Mengembangkan harta dan menambah kekayaan.
 - D. Menjaga imej dan status diri pada pandangan mata masyarakat.
13. Manakah padanan hukum perkahwinan yang tepat?
- A. Sunat – hukum asal perkahwinan apabila tidak ada sebab yang mendorong dan menghalangnya.
 - B. Makruh – bagi yang orang tidak cukup syarat dan tidak berkemampuan serta tidak bertanggungjawab.
 - C. Harus – bagi orang yang ingin berkahwin dan ia pula berkemampuan, tetapi ia masih dapat bersabar dan tidak khuatir dengan maksiat.
 - D. Wajib – bagi orang yang berkemampuan nafkah zahir serta batin dan sekiranya keadaan tidak berkahwin itu boleh membawa kepada zina.
14. Pilih tanggungjawab bersama suami dan isteri dalam pengurusan rumah tangga.
- I. Memimpin rumah tangga.
 - II. Mendalami ilmu-ilmu agama.
 - III. Saling bermaafan dan menasihati.
 - IV. Mencari nafkah yang halal untuk keperluan keluarga.
- A. I dan IV.
 - B. II dan III.
 - C. I, II dan III.
 - D. II, III dan IV.

15. Manakah kenyataan yang **benar** mengenai masyarakat Islam?
- A. Melaksanakan kehidupan yang berlandaskan syariat Islam.
 - B. Tidak digalakkan hidup bersama-sama dengan orang bukan Islam dalam satu masyarakat.
 - C. Tidak dibenarkan bekerjasama dengan anggota masyarakat yang bukan beragama Islam dalam menyempurnakan keperluan hidup.
 - D. Berusaha menghidupkan nilai-nilai dan syiar Islam dengan syarat ia tidak bertentangan dengan sensitiviti para penganut agama yang lain.
16. Pilih prinsip pembinaan masyarakat Islam yang digariskan mengikut asas-asas Islam.
- I. Persaudaraan Islam.
 - II. Kekuatan kebendaan.
 - III. Pembangunan akhlak.
 - IV. Syariat Islam sebagai asas.
- A. II dan III.
 - B. III dan IV.
 - C. I, II dan III.
 - D. I, III dan IV.
17. Berikut adalah salah satu hak anggota masyarakat Islam dan bukan Islam yang dijamin oleh syariat Islam.
- A. Hak untuk keluar dan bertukar agama.
 - B. Hak untuk mengkritik sesiapa sahaja secara mutlak.
 - C. Hak untuk mendapat pembelaan jika dituduh di mahkamah.
 - D. Hak menyebarkan sebarang agama lain dalam kalangan penganut agama Islam mahu pun bukan Islam.
18. Bagaimanakah Islam memberikan pengiktirafan terhadap orang bukan Islam yang hidup dalam negaranya dengan istilah *ahli zimmah*?
- A. Mereka diberikan hak untuk menjadi warganegara yang sah seperti warga Islam yang lain.
 - B. Mereka diberikan kebenaran untuk tinggal dan mencari rezeki, tetapi tidak diberikan hak untuk menjadi warganegara.
 - C. Mereka diberikan kebenaran untuk tinggal dan mencari rezeki tetapi tidak dibenarkan mengamalkan ajaran agama mereka.
 - D. Mereka diizinkan untuk tinggal dalam tempoh masa yang tertentu dan perlu memperbaharui permintaan untuk tinggal setelah tempoh tersebut berakhir.

19. Berikut adalah salah satu faktor umat Islam tidak mampu menunjukkan contoh yang baik untuk diikuti oleh orang lain.
- A. Terlalu komited dalam melaksanakan tuntutan agama.
 - B. Tidak berpegang kepada ajaran Islam dalam erti kata sebenarnya.
 - C. Tidak mengamalkan toleransi dengan para penganut agama yang lain.
 - D. Tidak mengambil pengajaran daripada kemajuan yang dicapai oleh Barat dan gagal mencontohi nilai-nilai kemanusiaan yang dipraktikkan oleh mereka.
20. Mengapakah umat Islam digelar sebagai '*ummatan wasatan*' (umat pertengahan)?
- A. Mereka beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT.
 - B. Mereka sentiasa menyuruh umat manusia melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran.
 - C. Mereka sanggup mengorbankan masa, tenaga dan jiwa mereka untuk berperang menegakkan kebenaran di jalan Allah SWT.
 - D. Mereka adalah umat yang adil dan umat pilihan yang sentiasa memiliki aspek kesederhanaan dan tidak melampau serta keterlaluan dalam segala perkara.
21. Berikut adalah salah satu kesan yang ditinggalkan penjajah Barat terhadap pemikiran politik penduduk negara-negara Islam.
- A. Umat Islam boleh maju dengan mengekalkan tradisi dan cara hidup mereka.
 - B. Islam sama seperti agama di Barat, tidak mempunyai peranan dalam persoalan politik dan kenegaraan.
 - C. Umat Islam boleh memajukan negara mereka tanpa perlu mencontohi sistem politik dan ekonomi negara-negara Barat.
 - D. Islam boleh memainkan peranan yang aktif dalam pembangunan politik dan ekonomi negara jika umat Islam mempelajari ilmu-ilmu moden daripada Barat.
22. Mengapakah menegakkan pemerintahan dan pentadbiran yang berlandaskan syariat Islam merupakan suatu kewajipan ke atas umat Islam?
- A. Untuk memerangi masyarakat yang enggan menganut Islam.
 - B. Untuk membolehkan perintah-perintah Allah SWT dapat dilaksanakan dengan sempurna.
 - C. Untuk meluaskan tanah jajahan empayar kerajaan Islam ke atas negara-negara bukan Islam.
 - D. Untuk meningkatkan hasil kekayaan negara bagi diagih-agihkan di kalangan rakyat yang beragama Islam.

23. Semua perkara berikut adalah tiga prinsip utama dan pemerintahan Islam menurut Afzalur Rahman **kecuali**
- A. tauhid. C. khilafah.
B. risalah. D. ukhuwwah.
24. Pilih prinsip pemerintahan dan pentadbiran Khulafa al-Rasyidin.
- I. Orang bukan Islam tidak boleh dikenakan paksaan ke atas agama mereka dan tidak boleh diganggu.
II. Orang Arab diberikan kedudukan dan layanan yang lebih istimewa berbanding dengan orang bukan Arab.
III. Kaum kerabat khalifah tidak dilantik memegang jawatan penting dalam pentadbiran atas dasar hubungan kekeluargaan semata-mata.
IV. Khalifah tidak perlu hadir ke mahkamah bagi menghadapi perbicaraan di hadapan para hakim dalam kes-kes yang melibatkan orang bukan Islam.
- A. I dan III. C. I, II dan III.
B. II dan IV. D. II, III dan IV.
25. Menurut al-Mawardi, fungsi utama imamah adalah
- A. menjaga agama dan mentadbir dunia.
B. meningkatkan taraf hidup rakyat dan kemajuan negara.
C. menguasai rakyat agar mereka tunduk kepada arahan pemerintah.
D. membangunkan pelbagai kemudahan sosial untuk kesenangan hidup rakyat.
26. Individu pertama yang menggunakan gelaran *amir al-mukminin* sebagai ketua negara adalah
- A. Umar al-Khattab. C. Ali bin Abi Talib.
B. Uthman bin 'Affan. D. Abu Bakr al-Siddiq.
27. Manakah kenyataan yang **benar** mengenai konsep syura?
- A. Berlaku secara mutlak dalam semua urusan tanpa skop dan batasan tertentu.
B. Bertujuan mencari keputusan terbaik dalam urusan yang menyentuh kepentingan umat Islam.
C. Kaedah atau bentuk perlaksanaannya secara praktikal telah dinyatakan dengan jelas oleh nas-nas syarak secara terperinci.
D. Boleh berlaku dalam perkara-perkara yang hukumnya dinyatakan secara jelas oleh nas-nas syarak, jika mendapat keizinan pemerintah.

28. Pilih prinsip-prinsip yang perlu dipatuhi dalam pelaksanaan syura.
- I. Keputusan yang dibuat mesti merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah.
 - II. Pengendalian mesyuarat mestilah dengan penuh hikmah dan lemah lembut.
 - III. Setiap keputusan hendaklah mengutamakan kepentingan umum (*masalah 'ammah*).
 - IV. Ahli mesyuarat hendaklah berusaha sedaya upaya mempertahankan pandangan masing-masing yang diyakini benar, tanpa perlu menghormati pandangan orang lain.
- A. I dan III. C. I, II dan III.
 B. II dan III. D. I, III dan IV.
29. Bidang tugas hisbah termasuk ke dalam tugas-tugas keagamaan yang dikaitkan dengan kewajipan
- A. ibadah umum. C. *ta'lim* dan *ta'dib*.
 B. ibadah khusus. D. *amar makruf nahi mungkar*.
30. Berikut adalah salah satu kepentingan prinsip hisbah.
- A. Mengesan kesilapan serta membuat pembetulan untuk mengelakkan ia berulang kembali.
 - B. Memberikan ruang kepada rakyat untuk mengemukakan pandangan yang berbeza dengan pemerintah.
 - C. Mendapatkan persetujuan ramai ke atas sesuatu keputusan yang hendak diambil oleh pihak pemerintah.
 - D. Membolehkan anggota badan pemerintahan bertukar-tukar pandangan untuk menyelesaikan masalah negara.
31. Pilih prinsip yang mendasari sistem ekonomi Islam.
- I. Menolak keuntungan dari segi material.
 - II. Allah SWT sebagai Penguasa Alam adalah pemilik harta yang hakiki.
 - III. Manusia berperanan sebagai khalifah dengan bertindak sebagai pengurus harta melalui aktiviti ekonomi.
 - IV. Penyucian jiwa dan ketinggian akhlak melalui pembersihan harta dengan zakat dan penyucian jiwa dengan sedekah sunat.
- A. I dan IV. C. I, II dan III.
 B. II dan III. D. II, III dan IV.

32. Berikut adalah kuasa pemerintah dalam kegiatan ekonomi menurut perspektif Islam.
- A. Melarang pemilikan harta yang berlebihan oleh individu.
 - B. Bersaing dengan sektor swasta untuk merebut keuntungan.
 - C. Memastikan kepentingan masyarakat tidak menjejaskan kepentingan individu.
 - D. Mengawasi dan menguatkuasakan undang-undang sehingga semua pihak terjamin hak dan kepentingan mereka.
33. Sumber pendapatan Baitulmal daripada harta negara adalah
- A. sedekah dan wakaf.
 - B. *ghanimah, fay'* dan *kharaj*.
 - C. zakat fitrah dan zakat harta.
 - D. pertanian, perusahaan dan perniagaan.
34. Semua perkara berikut adalah benar mengenai wakaf **kecuali**
- A. digunakan untuk kebajikan golongan miskin atau tujuan yang baik.
 - B. wakaf khairi (kebajikan) terbahagi kepada dua jenis iaitu wakaf am dan wakaf ahli.
 - C. menunjukkan berakhirnya pemilikan tuan punya ke atas sesuatu benda yang diberikan.
 - D. benda yang diwakafkan itu menjadi milik Allah SWT dan hendaklah digunakan bagi kebaikan manusia dari mula hingga akhir.
35. Pilih kenyataan **benar** mengenai takaful.
- I. Berasal daripada kalimah *kafala* yang bererti jamin atau memberi jamin.
 - II. Wang peserta yang terkumpul akan dilaburkan mengikut Sistem *Murabahah*.
 - III. Bermaksud saling menjamin, iaitu setiap peserta takaful menjamin keperluan peserta lain.
 - IV. Apabila berlaku musibah ke atas mana-mana peserta, syarikat yang menguruskan wang premium semua peserta akan memberikan bantuan dalam bentuk pinjaman untuk meringankan beban kewangan peserta terlibat.
- A. I dan III.
 - B. II dan IV.
 - C. I, II dan III.
 - D. II, III dan IV.

36. Bagaimanakah *al-rahnu* membantu pengguna mendapat kemudahan pinjaman wang?
- A. Melalui sokongan seorang atau lebih penjamin.
 - B. Melalui persetujuan di antara pengusaha bank dengan peminjam.
 - C. Melalui suatu barang yang hendaklah diserahkan sebagai jaminan.
 - D. Melalui sumbangan dana yang diwujudkan hasil kerjasama di antara pihak kerajaan dengan sektor swasta.
37. Kontrak persetujuan antara penyimpan yang membenarkan pihak bank menjaga dan menjalankan perniagaan dalam konteks institusi kewangan moden hari ini dikenali sebagai
- A. *al-wakalah*.
 - B. *al-wadi'ah*.
 - C. *al-ijarah*.
 - D. *al-tijarah*.
38. Mengapakah konsep *mudarabah* berbeza dengan konsep pelaburan dalam sistem kewangan konvensional?
- A. Pengusaha akan menanggung kerugian bersendirian.
 - B. Pelabur tidak akan menanggung kerugian bersendirian.
 - C. Pelabur akan menerima keuntungan yang kadarnya tetap dan tidak berubah-ubah.
 - D. Pelabur akan menerima keuntungan sebenar dalam bentuk dividen yang berubah-ubah berasaskan untung semasa.
39. *Bay' Bithaman Ajil* (BBA) bertujuan membantu para pengguna dengan memberikan kemudahan
- A. sewaan.
 - B. gadaian.
 - C. pinjaman.
 - D. pembiayaan.
40. Berikut adalah perkara yang dibenarkan oleh syariah dalam konsep pinjaman.
- A. Peminjam dikehendaki membayar balik sama dengan jumlah yang dipinjam.
 - B. Membantu peminjam mendapatkan sejumlah wang tunai dengan bayaran balik bersama-sama sedikit caj faedah yang tidak keterlaluan.
 - C. Memudahkan peminjam membuat pembelian aset seperti, tanah dan rumah melalui kemudahan pembiayaan dengan bayaran balik secara ansuran.
 - D. Pemberi pinjam boleh menetapkan sejumlah caj sebagai denda kepada peminjam yang lewat membayar pinjaman daripada tempoh yang ditetapkan.

41. Pilih prinsip-prinsip utama perundangan Islam.
- I. Memastikan keadilan terpelihara.
 - II. Perundangan yang selaras dengan kemaslahatan manusia.
 - III. Memastikan tertuduh yang didakwa atas sesuatu kesalahan tidak terlepas daripada hukuman.
 - IV. Perundangan yang menjatuhkan hukuman dalam bentuk yang paling keras bagi semua jenis kesalahan.
- | | |
|---------------|--------------------|
| A. I dan II. | C. I, II dan III. |
| B. II dan IV. | D. II, III dan IV. |
42. Manakah antara berikut merupakan falsafah perundangan Islam?
- A. Melindungi hak serta kehormatan umat Islam.
 - B. Menjaga agama, jiwa, akal fikiran, keturunan dan harta.
 - C. Memelihara nyawa dan harta benda daripada sebarang pencerobohan.
 - D. Mempertahankan syiar-syiar Islam dan hak serta kehormatan para penganutnya.
43. Semua perkara berikut merupakan sumber kedua (sekunder) perundangan Islam **kecuali**
- | | |
|-----------|----------------------|
| A. ijmak. | C. sunnah. |
| B. qiyas. | D. masalih-mursalah. |
44. Pilih ciri-ciri hukuman hudud.
- I. Boleh dimaafkan oleh pihak pemerintah.
 - II. Merupakan keseksaan yang boleh berubah atau diubah oleh hakim.
 - III. Dikenakan bagi menjamin hak-hak Allah SWT atau sebagai menjaga kepentingan awam.
 - IV. Hukumannya telah ditentukan dan ditetapkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran dan al-Sunnah.
- | | |
|----------------|--------------------|
| A. I dan II. | C. I, II dan III. |
| B. III dan IV. | D. II, III dan IV. |

45. Hukuman hudud sebanyak 80 kali sebatan akan dikenakan kepada individu yang disabitkan di bawah kesalahan
- A. murtad (*riddah*).
 - B. minum arak (*shurb al-khamr*).
 - C. menuduh zina kepada orang yang baik (*qazaf*).
 - D. zina bagi pesalah yang belum pernah berkahwin (*zina ghayru muhsan*).
46. Pesalah berikut dikecualikan daripada hukuman di bawah kesalahan *sariqah* (mencuri).
- A. Mendapat pengampunan daripada pihak pemerintah.
 - B. Disabitkan kesalahan bagi mencuri buat pertama kali.
 - C. Mendapat kemaafan daripada pemilik barang yang dicuri.
 - D. Mencuri kerana terpaksa disebabkan terlalu lapar dan miskin.
47. Berikut adalah hukuman yang dikenakan ke atas kesalahan merompak (*hirabah*) jika pesalah membunuh dan juga menyamun harta benda.
- A. Dibunuh.
 - B. Dipotong tangan.
 - C. Dihukum bunuh dan disalib.
 - D. Dipotong tangan dan kaki secara bersilang dan dibunuh.
48. Bilakah diyat dikenakan ke atas pesalah dalam kesalahan jenayah yang berkaitan dengan pembunuhan?
- A. Sekiranya tidak cukup bukti untuk mensabitkan kesalahan.
 - B. Sekiranya ahli waris mangsa tidak menuntut hak qisasnya (bunuh balas).
 - C. Sekiranya pesalah mendapat pengampunan daripada pihak pemerintah.
 - D. Sekiranya pesalah diberikan kemaafan mengikut budi bicara qadi (hakim).
49. Kesalahan melukakan, mencacatkan atau menyakitkan ke atas anggota termasuk ke dalam kesalahan jenayah di bawah kategori
- A. *al-Qatl*.
 - B. hudud.
 - C. qisas.
 - D. takzir.

50. Manakah kenyataan yang **benar** mengenai takzir?
- Hukuman atau keseksaannya tertakluk kepada budi bicara hakim.
 - Hukuman atau keseksaannya ditentukan secara jelas oleh syarak.
 - Hukuman atau keseksaannya bersifat rigid dan tidak boleh berubah.
 - Hukuman atau keseksaan yang tidak boleh diberikan kemaafan oleh pihak mangsa atau qadi (hakim).
51. Manakah kenyataan yang **benar** mengenai jihad?
- Pengertiannya terbatas kepada jihad diri dan nyawa sahaja.
 - Bertujuan menghapuskan negara dan masyarakat bukan Islam.
 - Hukum jihad nafsu dan menentang syaitan adalah fardhu kifayah.
 - Merangkumi jihad ilmu untuk memberikan pendidikan Islam yang sempurna.
52. Hukum jihad menjadi fardhu 'ain apabila
- ia bertujuan untuk mengembangkan dakwah Islam.
 - umat Islam diserang dan musuh sudah masuk ke dalam negeri Muslim.
 - negara bukan Islam yang mempunyai perjanjian damai dengan negara Islam diserang oleh musuh.
 - orang bukan Islam meminta bantuan untuk membebaskan diri mereka daripada penindasan pemerintah yang zalim.
53. Mati syahid yang termasuk dalam bahagian "syahid dunia dan akhirat" adalah
- orang yang mati kerana menderita sakit perut, terbakar dan terbenam.
 - orang yang mati kerana mempertahankan harta, maruah atau kehormatan diri atau keluarganya.
 - orang yang mati syahid di medan perang *fisabilillah* menentang orang kafir bagi meninggikan agama Allah SWT.
 - orang yang mati semasa perang menentang orang kafir semata-mata untuk mendapatkan kepentingan dunia.
54. Pilih kepentingan jihad dalam Islam.
- Mengembalikan kemuliaan ummah.
 - Mendaulatkan al-Quran dan al-Sunnah.
 - Menghapuskan kerosakan di muka bumi.
 - Menggerunkan orang-orang kafir agar mereka memeluk Islam.
- I dan II.
 - II dan III.
 - I, II dan III.
 - II, III dan IV.

55. Berikut adalah kedudukan seni dalam Islam.
- A. Dibentuk untuk memberi hiburan kepada manusia.
 - B. Bukan merupakan elemen penting dalam kehidupan manusia.
 - C. Mengisi kehidupan seharian dengan aktiviti yang menghiburkan jiwa.
 - D. Satu proses pendidikan yang bersifat positif untuk menggerakkan semangat dan membangunkan akhlak.
56. Pilih peranan-peranan kesenian Islam.
- I. Wadah untuk berdakwah.
 - II. Membentuk nilai-nilai murni.
 - III. Mewujudkan ketenangan jiwa.
 - IV. Memenuhi tuntutan ibadah khusus.
- A. I dan II.
 - B. II dan III.
 - C. I, II dan III.
 - D. II, III dan IV.
57. Bilakah hukum seni menjadi makruh?
- A. Jika tidak ada nas yang mengharamkannya.
 - B. Jika kesenian membawa unsur yang sia-sia (*lagha*).
 - C. Jika meleakakan sehingga mengabaikan kewajipan beribadah.
 - D. Jika mengkhayalkan manusia sehingga tidak dapat membezakan antara yang hak (betul) dengan yang batil (salah).
58. Semua langkah berikut dilaksanakan oleh Rasulullah SAW dalam konteks membina perpaduan ummah sebaik sahaja baginda berhijrah ke Madinah dari Mekah **kecuali**
- A. melarang orang bukan Islam daripada terus menetap Madinah.
 - B. mewujudkan persaudaraan Islam dengan mempersaudarakan orang Muhajirin dan Ansar.
 - C. menggubal perlembagaan untuk menggariskan tanggungjawab dan hak penduduk Madinah.
 - D. membina masjid yang berfungsi sebagai tempat beribadat dan tempat untuk orang Islam bertemu dan berbincang bagi menyelesaikan sebarang masalah.

